

SOALAN NO. 37

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI
[BUKIT BENDERA]**

TARIKH : 22 NOVEMBER 2016

SOALAN :

YB Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera] minta PERDANA MENTERI menyatakan status terkini projek penaiktarafan bangunan Parlimen, termasuk kos serta garis masa penyiapan projek.

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ketiga-tiga Projek Parlimen (FASA 2B, Fasa 3A dan Fasa 3B) yang sedang dalam fasa pembinaan akan siap sepenuhnya pada Disember 2018. Walaubagaimanapun masih terdapat satu lagi fasa yang belum dimulakan iaitu Fasa 2C; Kerja Menaik Taraf dan Baikpulih Blok Menara dan kerja-kerja berkaitan. Pelaksanaan fasa ini adalah tertakluk kepada kelulusan peruntukan.

Anggaran kos terkini projek untuk kesemua fasa yang telah dan sedang diadakan adalah mengikut peruntukan yang telah diluluskan. Projek naik taraf dan baik pulih bangunan Parlimen Malaysia ini akan dapat menyediakan persekitaran persidangan di Dewan Rakyat dan Dewan Negara yang lebih kondusif dengan mengambilkira penyediaan fasiliti untuk 50 tahun akan datang di samping kelengkapan sistem dan infrastruktur ICT yang baru.

Manakala di Fasa 3B akan dibina Blok Ahli Parlimen baru yang akan menempatkan bilik pejabat untuk setiap Ahli Parlimen, bilik-bilik Kementerian, pejabat pentadbiran Parlimen, dan juga kemudahan lain seperti Bilik Mesyuarat, *Business Centre*, gimnasium dan perpustakaan, tambahan tempat letak kereta serta Dewan Serbaguna yang baru.

Sekian, terima kasih.